

PELITA



BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 8 BILANGAN 20

RABU 16 OKTOBER, 1963.

ربيع 28 جمادا الاول، 1383

PERCHUMA

Meskipun Keamanan Negara Telah Terganggu
Di-sebabkan Meletus-nya Penderhakaan: Tetapi—

RANCHANGAN KEMAJUAN NEGARA

Berjalan Dengan Baik Dan Maju

— Titah D. Y. M. M.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah bertitah bahawa di-samping mengata shudur kapada Allah, Baginda amat berasa gembira atau sukachita mengetahui bahawa meskipun keamanan Negeri Brunei telah terganggu di-sebabkan meletus-nya penderhakaan yang tidak di-sangka2 dan sia2 pada awal2 bulan Desember tahun lepas, akan tetapi Ranchangan Kemajuan negeri ini ada-lah berjalan dengan baik dan maju.

Duli Yang Maha Mulia telah melafadzkan titah tersebut pada masa Baginda bertitah di-Istiadat Mengadap bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Kali Yang Ke-47 di-Pasibau Agong, Istana Darul Hana pada pagi 23 September, 1963.

Dalam titah tersebut Baginda bersabda bahawa sa-bagai mana yang para hadhirin di-majlis tersebut sedia ma'alom, ia-itu jika di-izinkan oleh Tuhan, memanglah sudah chita2 Baginda untuk meninggikan taraf perekonomian Negeri Brunei supaya ra'ayat Baginda khas-nya dan penduduk2 Brunei 'am-nya, sentiasa hidup di-dalam keadaan yang aman dan ma'amor.

Sa-lanjutnya Baginda bertitah, "Bagi mencapai ini Kerajaan Beta sedang pun mengadakan ranchangan2 kemajuan negeri yang mana telah pun diluluskan pada awal tahun lepas.

"Untuk mengadakan ranchangan kemajuan saperti ini, bukannya suatu perkara yang mudah, terutama-nya bagi negeri kita di-Brunei ini yang mana baharu mengembang maju dan maseh lagi berkurban pegawai2 "professional" dan bahan2 serta alat2 yang di-perlukan untuk melaksanakan ranchangan kemajuan itu.

"Tetapi Insha Allah, dengan ada-nya sahutan baik dan bimbingan tangan daripada sekalian lapisan ra'ayat, ranchangan itu akan boleh kita laksanakan dengan jaya-nya.

"Ranchangan kemajuan yang sedang di-jalankan di-sa'at ini akan meliputi seluruh pelusok negeri ini, ia-itu bukan-nya hanya di-bandar2 atau di-pekan2, bahkan juga di-kampong2 yang jauh terpencil.

"Banyak di-antara ranchangan2 ini sudah terlaksana atau pun sedang di-dalam perlaksanaan saperti jalان2 kecil di-kampong2, membersih sungai2, membina perigi2 di-kampong2, mengadakan jambatan2 dan lain.

"Beta berharap ra'ayat Beta yang di-kasih sekalian sentiasa memberi sambutan yang penoh dan tulus ikhlas atas ranchangan2 kemajuan ini."

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bertitah lagi, "Tuan2, sidang hadhirin yang di-hormati dan ra'ayat Beta yang di-kasih, Kerajaan

Beta sesunggho-nya atau memang menyedari betapa perlu-nya untuk memajukan sumbar2 negeri ini sa-berapa banyak yang dapat, dan di-dalam melaksanakan-nya, memberi segala peluang yang boleh kapada ra'ayat Beta untuk mengambil peranan mereka sa-wajar-nya.

"Perkara yang penting di-dalam melaksanakan ranchangan2 kemajuan yang telah Beta tegaskan tadi ia-lah melatih anak2 Brunei untuk membolehkan mereka memberi tenaga mereka yang sa-patut-nya. Untuk mencapai maksud ini, maka perlu-lah dengan sa-chepat mungkin untuk mendapatkan bantuan orang2 yang berpengalaman dan berkelulusan dari negeri2 luar dan Kerajaan. Beta yakin bahawa dengan sa-chara ini tempohnya akan dapat di-pendekkan untuk membolehkan ra'ayat Beta sendiri menjalankan tanggong-jawab2 ini nanti."

"Dari itu, Kerajaan Beta suka menegaskan bahawa pengambilan pegawai2 dari luar Negeri Brunei ada-lah satu langkah yang di-ambil sa-mata2 untuk faedah negeri ini dan Insha Allah akan menyebabkan bertambah2nya ra'ayat Brunei memegang teraju pentadbiran negeri."

Meshuarat Agong Persekutuan

Guru2 Melayu Brunei

SERIA. — Yang Teramat Mu'ia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha akan membuka dengan rasmi-nya Meshuarat Agong Ulang Tahun Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada pukul 9.30 pagi hari Juma'at 25 Oktober, 1963.

Meshuarat tersebut akan di-adakan di-Maktab Anthony Abell pada sa-belah pagi, ia-itu sa-lepas di-adakan upacara pembukaan rasmi, bergambar ramai dan jamuan rangan.

Persidangan tersebut pada sa-belah petang pula akan di-langsungkan di-dewan Sekolah Melayu Mohamed Alam, Seria mulai pada pukul 1.45 petang.

Pada sa-be'ah malam 25 Oktober ahli2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei akan mempersembahkan Malam Anika Warna di-dewan Maktab Anthony Abell Seria.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin, kelihatan sedang bertitah di-Istiadat Mengadap bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda di-Istana Darul Hana pada pagi 23 September, 1963. Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri kelihatan bersemayam di atas Singgahsana Baginda.

D.Y.M.M. Menguchapkan Terima Kaseh Kapada Pegawai2 Kerajaan Dan Ra'ayat Baginda

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah bertitah pada masa di-adakan Istiadat Mengadap di-Istana Darul Hana bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Kali Yang Ke-47 bahawa Baginda ingin mengambil kesempatan menguchapkan terima kaseh Baginda kapada semua Pegawai2 Kerajaan Baginda serta kepada ra'ayat Baginda yang di-kasehi dari sa-genap lubuk dan rantau.

BELIA-BELIA BERKELAH DI-PANTAI PERANGINAN JERUDONG

JERUDONG. — Kelab Belia Seria telah mengadakan satu temasha perkelahan di-pantai peranginan Jerudong pada hari Ahad yang lalu.

Ramai ahli2 Kelab Belia dan sahabat handai mereka serta murid2 sekolah telah mengambil bahagian dalam temasha perkelahan tersebut.

Berhubung dengan temasha tersebut, pengelola-nya Inche Wan Shafie bin Wan Hussein berkata bahawa antara tujuan2 mengadakan temasha itu ia-lah sa-bagi langkah untuk menge-ratkan rasa persafahaman di-kalangan ahli2 Kelab Belia Seria.

Inche Wan Shafie menegaskan bahawa persatuan-nya juga akan mencuba untuk menggalakkan ahli2-nya menaroh perhatian dalam bidang penyelidikan alam dengan jalan mengumpulkan ka-rangan2 laut dan menyediakan masa untuk mereka membuat kerja2 kerajinan tangan dan lukisan.

Berbagai2 permainan, nyanyian dan kerja2 untuk kebaikan persatuan tersebut telah di-adakan pada sa-panjang masa per-ke'ahan itu.

MEMELOKI UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI. — Dua orang gadis, sa-orang bangsa China dan sa-orang lagi bangsa Dusun, telah memeloki ugama Islam baharu2 ini dengan kesu-kachitan hati mereka.

Amoi Liem, demikian nama gadis China itu, berumur 17 tahun dari Kampong Binutan, U'u Tutong telah di-Islamkan pada 5 Oktober, 1963 oleh Imam Masjid Pekan Tutong Inche Abdul Kani bin Abdul Ghani.

Nama Islam Amoi, ia-lah Aishah binti Abdullah.

Gadis Dusun tersebut pula ber-nama Maimun binti Binchuan dari Kampung Kaloyoh, Sungai Liang, Daerah Belait telah di-Islamkan baharu2 ini oleh Imam Masjid Tumpuan Telisai, Inche Abdul Ghani bin Abang Ahmad.

Nama Islam Maimun, ia-lah Jama'iah binti Abdullah.

di-sebabkan meletusnya pender-hakaan pada awal bulan Desem-ber tahun lalu.

Sa-lanjutnya Baginda bertitah bahawa atas segala tugas2 mereka yanggilang gemilang itu, Baginda ingin, dengan hati yangikhlas, menyampaikan tahniah Baginda.

Terhadap ra'ayat Baginda pula, Baginda bertitah, "Bagi sekalian ra'ayat Beta yang telah menyampaikan ta'tat setia dan niat suchi mereka yang tidak sekali2 berganjak serta pula sanggup berdiri di-balikang Beta, jika sa-kira-nya berlaku perkara2 yang tidak di-ingini, Beta amatlah hargakan serta Beta berdo'a dan memohon pada Allah sa-moga Allah melindungi mereka dan sentiasa hidup di-dalam selamat, ma'amor dan aman bahagia."

PEPEREKAAN BAHASA MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Peperekaan Bahasa Melayu untuk darjah orang2 dewasa yang bukan Melayu, Tingkatan2 Permulaan, I, II dan III akan di-adakan sa-lama tiga hari mulai dari 16 Desember, 1963.

Peperekaan tersebut ada-lah terbuka kapada orang2 yang bukan Melayu yang belajar di-Darjah2 Orang2 Dewasa anjoran Kerajaan Brunei.

Sharat2 bagi memasuki pepe-rekaan ini ada-lah seperti ber-ikut :

(a) Pemohon2 itu telah mendaftarkan nama-nya untuk memasuki peperekaan ini dengan melalui guru yang mengajar mereka dan mendapat sokongan dari guru yang mengajar kerana kebolehan memasuki peperekaan tersebut.

(b) Kedatangan-nya masa belajar hendak-lah memuaskan.

(c) Chalun yang hendak memasuki Peperekaan Tingkatan2 II dan III mesti-lah lulus peperekaan Tingkatan I dan II.

Sa-barang bayaran pun tidak-lah akan di-kenakan kapada chalun2 yang hendak memasuki peperekaan2 tersebut.

Perkara2 yang termasok dalam peperedaan tersebut ada-lah sa-perti di-bawah ini:

(a) Menjawab di-kertas—termasuk Karangan, Surat Kiriman, Nahu, memahamkan Karangan dan Renchana.

(b) Soal jawab di-mulut — termasuk Bachaan, Tingkatan II dan III akan di-adakan Peperek-kaan Bachaan dan Renchana Jawi.

Pendaftaran kerana memasuki peperedaan akan di-mulakan dari sekarang dan akan di-tutup pada hari Khamis 31 Oktober, 1963.

Tempat2 Peperekaan ada-lah seperti berikut:

(1) Sekolah Melayu Sungai Tekuyong, Bandar Brunei—untuk chalun2 yang belajar sa-belah malam.

(2) Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Brunei — untuk

chalun2 di-kawasan Bandar Brunei yang belajar sa-belah petang.

(3) Asrama Jururawat —untuk chalun2 di-kawasan Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei.

(4) Sekolah Chung Hwa, Tu-tong—untuk chalun2 di-kawasan Tutong.

(5) Sekolah Chung Hwa, Labi, Ulu Belait—untuk chalun2 di-kawasan Labi.

(6) Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait—untuk chalun2 di-kawasan Belait.

(7) Sekolah Melayu Muham-mad Alam, Seria—untuk chalun2 di-kawasan Seria.

GABNOR SARAWAK SINGGAH DI-BRUNEI

BERAKAS. — Gabnor Sarawak, Yang Terutama Datu Abang Haji Openg telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Kuching pada 8 Oktober dalam perjalanan beliau ka-Limbang.

Ini-lah pertama kali Yang Terutama Datu Abang Haji Openg melawat ka-Limbang sa-chara rasmi semenjak beliau di-lantek menjadi Gabnor Sarawak.

Yang Terutama Datu Abang Haji Openg telah di-iringi oleh isteri beliau serta Setia Usaha Sulit beliau Inche Pole-Evans.

Pada masa lawatan ka-Limbang, Yang Terutama Datu Abang Hj. Openg dan isteri m-jadi tetamu Resident Limba-Yang Berhormat Inche I. Urquhart dan isteri.

Gabnor Sarawak tersebut telah singgah di-Brunei pula pada 9 Oktober dalam perjalanan beliau ka-Miri.

Pada tengah hari tersebut Pe-surch Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Inche Angus Mackintosh telah mera'iikan Gabnor Sarawak dan isteri beliau di-satu majlis jamuan makan.

Gabnor Sarawak dan isteri serta Setia Usaha telah berangkat dari Brunei dengan sa-buah kapal terbang kepusnya Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad pada pukul 1 petang 9 Oktober.

Di-antara yang hadir di-Lapangan Terbang Brunei untuk menguchapkan "Selamat Jalan" kapada Gabnor Sarawak dan isteri Jalan, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Inche Angus Mackintosh; Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Ma'sal Ma'un serta beberapa orang Pegawai2 Kerajaan Brunei dan Resident Limbang, Inche Urquhart.

D.Y.M.M. MERA'IKAN ANGGOTA2 PASOKAN2 KESELAMATAN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah mera'iikan enam ratus orang anggota2 pasokan2 keselamatan di-satu majlis jamuan makan di-Istana Darul Hana pada malam 25 September sa-bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Anggota2 pasokan2 keselama-tan itu ada-lah terdiri dari Paso-kan Keselamatan Baginda Queen yang sedang berkihdmat di-Bru-nei, anggota2 Pasokan Pulis dan anggota2 Askar Melayu Brunei yang te'ah mengambil bahagian di-istiadat perbarisan bagi menyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Padang Besar, Bandar Brunei baharu2 ini.

Di-antara tetamu2 khas yang hadir di-majlis jamuan tersebut ia-lah Pesuruh Jaya Tinggi Ing-geris di-Brunei, Yang Terutama Inche Angus Mackintosh; Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir; Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un dan Ahli2 Majlis Meshuarat Di-Raja, Kerajaan serta Negeri Brunei.

Wartawan

"The Chicago Daily"

Melawat Brunei

BERAKAS. — Inche S. Hempstone sa-orang Wartawan akhbar "The Chicago Daily" di-Nairobi, Kenya telah melawat ka-Negeri Brunei baharu2 ini sa-lepas melawat ka-Kuching sa-lama beberapa hari.

Wartawan akhbar tersebut berkata kapada Wartawan akhbar ini bahawa sa-lepas melawat ka-Negeri Brunei ia berangkat melawat ka-Jesselton dalam perjalanan-nya ka-Manila.

D. Y. M. M. Berdo'a Agar Suasana Pentadbiran Negara Berjalan Dengan Lichin

BANDAR BRUNEI. — "Di-dalam istiadat pembukaan Majlis Meshuarat Negeri baharu2 ini, ia-itu memang-lah sudah menjadi hasrat Beta dan dasar Kerajaan Beta supaya keadaan dharurat ditamatkan dengan sa-berapa segera yang boleh dapat sa-imbang dengan keamanan serta keselamatan negeri kita", demikian antara-nya titah Duli Yang Maha Mulia ketika Baginda bertitah di-Istiadat Mengadap bagi menyambut Hari Jadi Baginda di-Istana Darul Hana pada pagi 23 September yang lalu.

Sa-terusnya Baginda bertitah, "Sa-bagi langkah pertama, Beta telah pun membubarkan Majlis Meshuarat Dharurat yang mana telah di-tubohkan berikutan dengan terjadi-nya penderhakaan pada bulan Desember tahun yang lalu."

"Maka sa-bagi menunaikan hasrat Beta untuk mengusahakan Negeri Brunei dengan benar2 berchorak Demokrasi dan mengi bagi mensesuaikan dengan auran peredaran zaman pada akhir bulan lepas, telah di-tubohkan Majlis Meshuarat Negeri yang baharu yang mempunyai ahli2-nya lebuh ramai ahli2 yang di-lantek siapa yang tidak memegang apa2 jawatan di-dalam perkhidmatan Kerajaan Beta."

Menurut titah Duli Yang Maha Mulia, Baginda perchaya hal yang sa-demikian ada-lah suatu langkah yang pertama untuk me-lateh anak2 Negeri Brunei ini un-to memegang tanggong-jawab2 mereka terhadap nosa dan bangsa.

"Beta juga ingin menjelaskan ia-itu bagi mensesuaikan keadaan dalam negeri sa-lepas berlakunya penderhakaan itu, maka sa-sbahagian daripada bab2 di-dalam Perlembagaan Brunei 1959 telah paksa di-ubah atau di-pinda. Sekali lagi Beta berdo'a agar

LAWATAN SAMBIL BELAJAR

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 25 orang penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei, Tahun Dua 'A' di-bawah pimpinan Inche Mohamed Yusof bin Mohamed telah mengadakan lawatan sambil belajar ka-Pejabat Siaran Rad'o dan Penerangan, Brunei baharu-baharu ini dalam siri lawatan mereka ka-Pejabat2 Kerajaan.

Para penuntut tersebut telah di-tunjukkan chara2 menjalankan kerja dalam beberapa bahagian di-Pejabat Siaran Radio dan Penerangan, di-antara-nya ia-lah chara2 mendapat berita dari luar negeri melalui Sharikat Berita dan berita2 dalam negeri oleh pemberita2 tempatan.

Mereka juga telah di-beri penerangan bagaimana Radio Brunei Bahagian Melayu menjalankan perkhidmatan-nya untuk orang ramai pada tiap2 hari.

dengan jalan yang sa-demikian ini, suasana pentadbiran negeri kita ini akan dapat berjalan dengan lichin dan maju demi untuk kebijakan kita bersama", titah lagi Duli Yang Maha Mulia.

BERLATEH DI-SINGAPURA



Enam orang pemuda2 dalam gambar ini ia-lah penuntut2 Brunei yang sedang belajar di-Trengkas Melayu Institute, Singapura atas biasiswa Kerajaan Brunei. Barisan hadapan: Dari kiri—Tuan Haji Ahmad bin Mohamed Tahir, Inche Ibrahim bin Mohamed Tinggal dan Inche Abdul Halim bin Yaman. Barisan belakang: Dari kiri: Radin Mas Ismail bin Awang, Inche Abdul Rahim bin Mat Wali dan Inche Abdullah bin Mohamed Tahir. Inche Abdul Halim dan Tuan Haji Ahmad sedang mempelajari kursus menaip manakala empat orang lagi dalam gambar ini mempelajari Kursus Perguruan Trengkas. Mereka akan tamat menghadiri kursus tersebut pada akhir tahun ini.

WAKTU2 SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 16 Oktober hingga ka-hari Khamis 31 Oktober, 1963 ada-lah sa-perti di-bawah ini :—

H. Bulan	Amsak	Suboh	Dzohor	'Asar	Maghrib	Isha
16	4.33	4.48	12.15	3.34	6.15	7.28
17	4.33	4.48	12.15	3.34	6.15	7.28
18	4.33	4.48	12.15	3.34	6.15	7.28
19	4.33	4.48	12.15	3.34	6.15	7.28
20	4.33	4.48	12.15	3.34	6.14	7.27
21	4.33	4.48	12.15	3.34	6.14	7.27
22	4.33	4.48	12.15	3.34	6.14	7.27
23	4.33	4.48	12.15	3.34	6.14	7.27
24	4.33	4.48	12.15	3.34	6.14	7.27
25	4.33	4.48	12.15	3.34	6.13	7.26
26	4.33	4.48	12.15	3.34	6.13	7.26
27	4.33	4.48	12.15	3.34	6.13	7.26
28	4.33	4.48	12.15	3.34	6.13	7.26
29	4.33	4.48	12.15	3.34	6.13	7.26
30	4.33	4.48	12.15	3.34	6.13	7.26
31	4.33	4.48	12.15	3.34	6.13	7.26

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

MESHUARAT AGONG MAJLIS PENGAKAP NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un, Menteri Besar, Brunei telah di-lantek sa-mula sa-bagai Yang Dipertua, Majlis Pengakap Negeri Brunei untuk tahun 1963/1964.

Meshuarat Agong Majlis Pengakap tersebut telah di-langsungkan di-Bandar Brunei baharu2 ini dan di-hadiri oleh ramai ahli2 Majlis Pengakap Negeri Brunei.

Meshuarat tersebut telah membuat persetujuan antara lain2nya hendak melantek sa-orang Pesuroh Jaya Peranchang Pengakap pada tahun hadapan.

Sa-crang Pengakap tempatan akan di-pileh untuk berkhidmat

sa-bagai Pesuroh Jaya Peranchang Pengakap tersebut.

Ia akan di-hantarkan ke United Kingdom untuk berlatah sa-lama dua atau tiga bulan sabelum menjalankan perkhidmatan-nya di-Negeri Brunei.

Meshuarat tersebut telah juga membuat akuan menerima lukisan Lenchana Pengakap Negeri Brunei. Lukisan itu telah di-pileh oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Pe-naong Majlis Pengakap Negeri Brunei daripada enam lukisan2 yang terbaik dalam satu pera-duan melukis Lenchana Baharu Pengakap Negeri Brunei. Tiga lukisan ia-lah dari Bandar Brunei dan tiga lagi dari Daerah Belait.

Pemenang lukisan tersebut ia-lah Inche Koh Ban Thuan dari Bandar Brunei. Ia telah menerima wang tunai yang di-hadiahkan o'eh Pengurus, Majlis Pengakap Negeri Brunei, Yang Berhormat Inche Malcolm MacInnes.

Lenchana tersebut sedang dibuat di-United Kingdom.

Pesuroh Jaya Pengakap Daerah Belait, Inche Abu Bakar bin Othman yang telah mengetuai rombongan Pengakap2 Negeri Brunei ka-Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia di-Negeri Greece tidak berapa lama dahulu telah menyampaikan penyata berhubung dengan Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia di-majlis tersebut.

Pertandingan Menyanyi Lagu2 China

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Menyanyi Lagu2 China di-bawah anjoran Radio Brunei, Bahagian China telah di-langsungkan di-padang besar Bandar Brunei pada malam 26 September sa-bagai salah satu acara sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Pertandingan itu ada-lah ter-buka kapada penyanyi2 di-seluroh Negeri Brunei dan di-bahagikan kapada enam bahagian, ia-itu lagu2 China yang baharu bahagian murid2 sekolah lelaki dan perempuan serta orang2 dewasa lelaki dan perempuan; lagu2 China asli dan nyanyian bergu.


Yang Mulia Datin Hajjah Salmah, ia-itu isteri kapada Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusuf telah menyampaikan hadiah2 kapada penyanyi2 yang berjaya dalam pertandingan menyanyi tersebut.

GAMBAR2 KENANGAN SAMBUTAN2 HARI P



TEMBURONG:

Gambar ini diambil sa-masa D.Y.M.M. me-lawat ka-Pekan Bangar, Temburong pada 27 September, 1963.




KUALA BELAIT:



Gambar kanan: Duli Yang Maha Mulia kelihatan sedang berdayong sampan. Gambar ini diambil sa-lepas Pasukan yang di-ketuai oleh Baginda sendiri menjadi johan dalam perlumbaan perahu di-Tutong pada 29 September, 1963.

Gambar kiri: Yang Mulia Pengiran Apong sedang menyembahkan uchapan bertulis bagi pehak Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Brunei dan Muara kapada Kabawah Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana pada 23 September, 1963.




Gambar atas: Perarakan basikal dan kereta berhias di-Bandar Brunei. Gambar bawah: Perarakan kereta berhias di-Kuala Belait.


D.Y.M.M. kelihatan sa-masa menghadiri Istiadat Porbarisan di-Kuala Belait pada 25 September, 1963.



D. Y. M. M. Maulana Al-Sultan dan D. Y. M. M. Raja Isteri telah mara'ikan enam ratus orang anggota Pasukan2 Ke-selamatan di-satu majlis jamuan makan di-Istana Darul Hana pada malam 25 September, 1963. Gambar atas sa-behah kiri: Sa-orang parajurit Askar Melayu Brunei sedang menziarahi Baginda di-majlis tersebut. Gambar atas sa-behah kanan: Satu lagi pemandangan di-majlis jamuan tersebut.



UJA USIA D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN



BANDAR BRUNEI:


Gambar ini diambil pada masa Baginda menghadiri Istiadat Perbarisan di-Bandar Brunei pada 23 September, 1963.



Gambar kiri: Baginda sedang bertitah di-Istiadat Perbarisan bagi menyambut Hari Jadi Baginda di-Tutong pada 29 September, 1963.




Pendudok2 di-seluruh Negeri Brunei amat-lah bergembira menyambut Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Kali Yang Ke-47. Gambar yang di-siarkan di-sa-belah kiri dan gambar2 bawah ialah di-antara gambar2 yang telah diambil pada masa di-adakan sambutan2 Hari Puja Usia Baginda di-negeri ini dan dengan hal yang sa-demikian dapat-lah membuktikan kata-kata : "Tak Tumboh—Tak Melata. Tak Sungoh—Pengarang Tak Kata!"




TUTONG:

Baginda kelihatan pada masa bertitah di-Istiadat Perbarisan di-Pekan Tutong pada 29 September, 1963.



Gambar atas: Peraduan "RATU KEBAYA" di-Kuala Belait. Gambar bawah: Peraduan "MISTER" dan "MISS BRUNEI" di-Bandar Brunei.



KERJA - KERJA KOSONG

MERBUT

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan kosong sebagai Merbut untuk Masjid Seria.

Gaji: Dalam Tingkatan Gaji U-1 \$152-156x4-192x8-232.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan2 saperti dibawah ini sahaja akan di-pertimbangkan:-

- (a) Umur antara 20—45 tahun.
- (b) Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei.
- (c) Bersedia untuk di-pereksa serba-sadikit dalam pengetahuan Ugama Islam.

Permohonan2 yang mesti diisi dalam borang2 yang boleh didapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-hantar kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat dari 16 Oktober, 1963.

PEMEREKSA KIRA-KIRA

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi kekosongan sabagai Pemereksa Kira2 di-Jabatan Odit, Brunei.

Gaji: Dalam Tingkatan Gaji \$211 - 220x10 - 260 - 280 - 290, EXAM/31x20 - 370 - 380/BAR/400x20-560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-

lah lulus sekurang2nya Form III Sekolah Inggeris dan baik dalam Ilmu Hisab. Keutamaan akan diberi kapada chalun2 yang mempunyai pengetahuan dalam "book-keeping" dan pengalaman dalam "accountancy."

Sharat2 Lantekan: Chalun yang berjaya yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri kontrek lama 3 tahun termasok

lah 6 bulan masa perchubaan. Chalun yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri jawatan tetap.

Baksis: Chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek akan dibayar baksis sabanyak 12½% dari gaji-nya bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan dibayar apabila berhenti atau dibuang kerja.

Permohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan, hendak-lah dihantar melalui Ketua Jabatan dan Ketua Jabatan di-minta menchatek sa-chara rahsia perkara2 yang berhubung dengan pemohon2 itu bersama dengan satu Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti diisi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-hantar kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat dari 24 Oktober, 1963.

KHATIB

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan kosong sebagai Khatib Masjid di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Seria.

Gaji: Dalam Tingkatan Gaji U. 3 \$200x10-400.

Sharat2 memohonkan jawatan ini ia-lah:-

- (a) Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan.
- (b) Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengetahuan dalam Hal Ehwal Ugama

MASJID

Islam.

- (c) Mesti-lah bersedia untuk di-pereksa dalam saba-rang Ilmu pengetahuan Ugama Islam.
- (d) Berumur di-antara 18—40 tahun.

Permohonan2 yang mesti diisi dalam borang2 yang boleh didapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-hantar kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat dari 24 Oktober, 1963.

PEJABAT BANDARAN AKAN HADIAH WANG

Selamat Belayar

Parajurit2

BANDAR BRUNEI. — Sa-rombongan tujuh puluh enam orang anggota2 Askar Melayu Brunei dan sa-orang Pegawai Askar Melayu Brunei telah belayar ka-Labuan dengan kapal "Bekiah" pada pagi hari Isnin 7 Oktober dalam perjalanan balek ka-Negeri Sembilan untuk meneruskan latehan di-Perkhemahan Siginting, sa-lepas berchutti di-Tanah Ayer.

Parajurit2 tersebut telah diketuai oleh Second Lieutenant Mohamed bin Haji Daud.

Inche Sidek bin Yahya sa-crang Pegawai di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan telah memenani parajurit2 tersebut hingga ka-Labuan.

Beratus2 orang kaum ke'uarga dan sahabat handai parajurit2 tersebut telah kelihatan di-Tambatan Kastam Diraja di-sini pada pagi hari tersebut untuk menguchapkan selamat belayar kapada parajurit2 itu.

Menurut siaran yang di-terbitkan oleh Pengerusi, Lemba-ga Bandaran, Brunei, Inche Ali bin Awang Besar, Pejabat Bandaran, Brunei akan membayar kapada orang ramai wang tunai sa-banyak \$2 bagi tiap2 sa-ekor anjing berunor tidak kurang daripada tiga bulan, yang di-tangkap itu.

Pejabat Bandaran akan menyediakan, jika perlu, sa-buah kenderaan bagi mengambil anjing2 yang di-tangkap itu.

Menurut satu siaran yang di-terbitkan oleh Pengerusi, Lemba-ga Bandaran, Brunei, Inche Ali bin Awang Besar, Pejabat Bandaran, Brunei akan membayar kapada orang ramai wang tunai sa-banyak \$2 bagi tiap2 sa-ekor anjing berunor tidak kurang daripada tiga bulan, yang di-tangkap itu.

Menurut siaran tersebut, untuk

SA-KIRA-NYA

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Bandaran, Brunei akan melancarkan gerakan bagi membunuh semua anjing di-Kawasan Bandaran yang di-dapat tidak mempunyai lesen dan "tidak bertuan".

Oleh itu, orang ramai ada-lah di-harap supaya dapat memberikan kerjasama dengan menangkap anjing2 tersebut yang di-dapat berkeliaran di-kawasan mereka.

Anjing2 itu mesti-lah di-tangkap hidup2 dan di-simpan dalam kurongan atau di-ikat.

Anjing2 tersebut hendak-lah di-serahkan kapada Jabatan Bandaran, Brunei pada waktu kerja dengan melalui perhubungan talipon nombor 411 atau 828.

Pejabat Bandaran akan menyediakan, jika perlu, sa-buah kenderaan bagi mengambil anjing2 yang di-tangkap itu.

Menurut satu siaran yang di-terbitkan oleh Pengerusi, Lemba-ga Bandaran, Brunei, Inche Ali bin Awang Besar, Pejabat Bandaran, Brunei akan membayar kapada orang ramai wang tunai sa-banyak \$2 bagi tiap2 sa-ekor anjing berunor tidak kurang daripada tiga bulan, yang di-tangkap itu.

Menurut siaran tersebut, untuk

"Sidewinder" Mengorek Telaga Baharu

SERIA. — Kapal pengorek bernama 'The Sidewinder' sekarang sedang mengorek telaga-nya yang ke-tiga di-sabuah kawasan yang baharu.

Kawasan tersebut di-beri nama Ampa Tiga Barat Daya. Letaknya iarlah, sa-jauh di-antara 6 dan 7 batu dari pantai Kuala Belait, di-mana kerja mengorek

yang telah di-jalankan pada masa dahulu menunjukkan bahawa ada tanda2 minyak dan gas.

Hingga ka-minggu lepas sa-dalam lebuh dari 4,000 kaki telah di-korek oleh kapal pengorek tersebut. Demikian menurut satu pengumuman yang di-terbitkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria.

Perjumpaan Pengakap2 tersebut akan di-adakan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada hari Juma'at 18 Oktober, 1963 mulai pada pukul 9.30 pagi.

Yang Terutama Inche Angus Mackintosh juga akan menghadiahkan "Perisai Mackintosh" kepada Pergerakan Pengakap Negeri Brunei di-majlis tersebut.

36 ORANG LAGI DI-BEBASKAN

BUNUT. — Tiga puluh enam orang dari kumpulan yang ke-lima belas orang2 tahanan yang te'ah di-pindahkan dari Perkhemanan Tahanan di-Berasak ka-Pusat Pemulehan Sa-Mula di-Bunut telah di-bebasan pada hari Ahad yang lalu.

Dengan hal yang sa-demikian, jumlah orang2 tahanan yang telah di-bebasan dari Pusat Pemulehan Sa-Mula di-Bunut semenjak bulan April tahun ini ia-lah sa-ramai 843 orang.

Sa-masa menghadiri kursus pemulehan sa-mula di-Bunut, orang2 tahanan itu telah di-beri sharanan2 untuk mensesuaikan diri mereka balek sa-mu'a dalam masharakat.

Sharanan2 tersebut termasok pengajaran ugama, tata ra'ayat, pentadbiran negara, bahaya faham komunis dan lain2-nya.

Awangku Tengah Ka-England

BERAKAS. — Awangku Tengah bin Pengiran Metussin, sa-orang penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah berlepas ka-United Kingdom dengan kapal terbang pada petang 25 September untuk melanjutkan pelajaran-nya di-Maktab Tooting dan Balham, London, atas biasiswa Kerajaan Brunei.

Awangku Tengah akan melanjutkan pelajaran-nya di-sa-buah universiti di-England pula sa-telah tamat belajar di-maktab tersebut.

Amanat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan

BANDAR BRUNEI.—Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dengan suka-chita Baginda, telah menyampaikan pesanan kapada semua pemimpin2 kaum, pemimpin2 parti2 politik dan sa-bagai-nya supaya mereka sentiasa mengamati pada mengenali tanggong-jawab2 yang saimbang chita2 dengan akal fikiran yang waras pada melaksanakan daya tugas mereka masing2.

Baginda telah menyampaikan titah tersebut ketika Baginda bertitah di-Istiadat Mengadap yang telah di-adakan di-Istana Darul Hana pada pagi 23 September yang lalu kerana menyambut Hari Ulang Tahun Keputeran Baginda Kali Yang Ke-47.

"Sesunggoh-nya tanggong-jawab2 itu bermacham2 choraknya dan sa-banyak sadikit berbeda dengan sa-kadar-nya pada menempoh kesenangan, kesusa-han, serta berjenis2 kesulitan, tetapi Beta berharap pada menu-rut saloran yang sehat, seluruh raya Beta sekalian hendaknya dengan hati yang jujor,

melaksanakan dan membuktikan akan kewajipan diri masing2 untuk kebajikan, sentosa mem-bina kema'amoran, keamanan dan sentiasa dalam keadaan sehat dan mengharumkan Negeri Brunei yang kecil molek mengandungi isi-nya yang berjenis bangsa, ugama dan chorak kehidupan, ia-itu Negeri Brunei yang kita semua cintai ini.

"Andai-nya sa-tiap ra'ayat yang menunaikan kewajipan diri-nya masing2 seperti tersebut, dapatlah di-ertikan bahawa mereka telah menunaikan kewajipan terhadap Bangsa, Ugama dan Tanah Ayer-nya," titah Duli Yang Maha Mulia.

"ABU" AKAN LAHIR PADA 1-7-1964

Pejabat Sementara-nya Di-Tokyo

BANDAR BRUNEI.—Persidangan Pegawai2 Siaran Radio Sa-Asia Kali Yang Ke-lima yang telah di-langsungkan di-Seoul, Korea Selatan baru-baru ini telah meluluskan satu rangka piagam penubuhan Kesatuan Siaran Radio Sa-Asia ("Asian Broadcasting Union"—ringkasnya ABU). Kesatuan itu akan lahir pada 1 Julai, 1964. Demikian kata Timbalan Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir.

Beliau telah kembali ka-Brunei dengan Ketua Jurutera, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Inche Michael Chen pada hari Sabtu 12 Oktober, 1963 sa-lepas mewakili Negeri Brunei dalam Persidangan Pegawai2 Siaran Radio Sa-Asia di-Seoul, Korea Selatan.

Dalam satu wawancara dengan Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh di-rumah beliau sa-lepas beliau kembali dari Korea, Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh berkata kapada wartawan "Pelita Brunei" bahawa persidangan tersebut telah di-langsungkan di-Seoul mulai dari 28 September hingga ka-5 Oktober.

Perdana Menteri Korea Selatan, Inche Hyun Chul Kim telah membuka dengan rasmi-nya persidangan tersebut di-Chusan Hotel, Seoul pada 30 September.

Sa-ramai 28 orang wakil dari 12 buah negeri telah mengambil bahagian dalam persidangan tersebut. Negeri2 itu ia-lah Negeri Brunei, Korea Selatan, Pakistan, India, Australia, Republik China, Filipina, Jepun, New Zealand, Filipina,

Republik Arab Bersatu, Vietnam Selatan dan Hong Kong.

Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh seterusnya berkata bahawa Kesatuan Siaran Radio Sa-Asia itu tidak-lah akan bersangkutan paut dengan hal ehwal politik. Ia akan bekerjasama de-

ngan semua perkhidmatan2 Siaran Radio di-Asia.

Pembentukan Kesatuan Siaran Radio Sa-Asia itu, ia-lah hasil dari satu shor yang telah di-ke-mukakan dalam Persidangan Pegawai2 Siaran Radio Sa-Asia yang telah di-langsungkan di-Kuala Lumpur dalam tahun 1962.

Para perwakilan yang menghadiri persidangan tersebut telah membuat persetujuan bahawa Ibu Pejabat Sementara Kesatuan Siaran Radio Sa-Asia itu ia-lah di-Tokyo, kata lagi Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir.



Timbalan Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir (kiri sa-kali) dan Ketua Jurutera, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Inche Michael Chen (duduk di-sa-belah Y.B. Inche Salleh) kelihatan dalam gambar ini pada masa menghadiri upacara pembukaan rasmi Persidangan Pegawai2 Siaran Radio Sa-Asia di-Seoul, Korea Selatan baru-baru ini. Duduk di-tengah ia-lah Wakil Vietnam Selatan, Inche Bui Nghi. Duduk di-sa-belah-rya ia-lah Inche Taha Mohamed Al-Hadi Naser dan Inche Mohamed El-Bassiouni, Wakil2 dari Republik Arab Bersatu.



Peserta2 yang telah mengambil bahagian dalam Perlumbaan Berjalan Kaki Jarak Jauh pada 6 Oktober, 1963 kelihatan dalam gambar2 ini pada masa mereka mulai berlumba. Gambar kiri sa-kali: Permulaan Bahagian "Senior" dari Muara ka-Bandar Brunei. Gambar tengah sa-kali: Satu pemandangan pada ma-a wanita2 yang mengambil bahagian dalam perlumbaan berjalan kaki dari ka-Bandar Brunei. Gambar kanan sa-kali: Siapakah yang menjadi johan dalam perlumbaan2 tersebut? Berita2-nya di-siarkan di-muka tujoh. Sungai Hanching ka-Bandar Brunei mulai berlumba.

Di-terbitkan oleh Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei dan di-chetak di-The Brunei Press Limited, Kuala Belait.

PEGAWAI2 BAHARU PERSATUAN PENUNTUT2 BRUNEI DI-U.K.

LONDON.—Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom telah mengadakan Meshuarat Agong Ulang Tahun-nya kali yang ke-lima di-Dewan Caxton, London pada 28 September, 1963.

Pegawai2 baharu persatuan tersebut yang telah di-lantek dalam meshuarat tersebut adalah saperti berikut:

Yang Dipertua—Inche Rosli bin Omar. Naib Yang Dipertua—Awang Hassan bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Paduka Haji Mohamed Yusof.

Setia Usaha Agong—Awang Sani bin Pengiran Ahmad. Penolong Setia Usaha—Inche Ghafar bin Haji Lamat. Penyimpan Wang Yang Kehormat — Puan Jusnani binti Lawie. Setia Usaha Sosial dan Kebajikan — Inche Abdul Latif bin Abdul Hamid. Pegawai Penerangan — Awang Hurairah bin Haji Mohamed Taha. Setia Usaha Sukan—Inche Ibrahim bin Haji Mohamed. Ahli Jawatan Kuasa — Inche Yapp Kai San. Pemereksa Kira2 — Inche Mohamed Ja'afar bin Noordin.

Wakil-Wakil Brunei

Menghadiri Persidangan

Pegawai2 S.R.S.A.

SEOUL.—Timbalan Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir dan Ketua Jurutera, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei Inche Michael Chen telah tiba di-Seoul, Korea Selatan dengan kapal terbang pada 28 September, 1963 untuk mengambil bahagian dalam Persidangan Pegawai2 Siaran Radio Sa-Asia.

Beliau2 telah berangkat balek ka-Brunei dari Seoul dengan kapal terbang pada 7 Oktober, 1963.